# KEMAS KINI MAKLUMAT PERMOHONAN




## 1. KEMAS KINI PERMOHONAN SECARA DALAM TALIAN

1. Pilih menu **KEMAS KINI PERMOHONAN.**
2. Sila masukkan **No. MyKad**.
3. Klik butang **KEMAS KINI PERMOHONAN**.
4. Klik butang **CARIAN SEMULA** jika ingin membuat carian semula.






## 2. SOALAN KESELAMATAN

1. Pemohon wajib menjawab 2 soalan keselamatan dengan betul sebelum dibenarkan membuat kemas kini.
2. Soalan dan jawapan bagi **Soalan Keselamatan** adalah berdasarkan maklumat permohonan terkini yang diisi oleh pemohon.
3. Setiap soalan hanya dibenarkan 3 kali percubaan menjawab sahaja.
4. Jika jawapan yang diberikan masih salah dan 3 kali percubaan bagi setiap 3 soalan yang dijawab telah habis, peringatan berikut akan dipaparkan.
5. Contoh soalan keselamatan.



## 3. KEMAS KINI MAKLUMAT PERMOHONAN

1. Paparan maklumat pemohon ditunjukkan seperti di Bahagian A dan Bahagian B.
2. Pilih maklumat pemohon yang ingin dikemaskini.


BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMOHON

Nama* (seperti MyKad): AHMAD
No. MyKad:
Tarikh Lahir* (umur pada Januari 2017): / 01 / Umur Tahun
Jantina*: Lelaki
Status Perkahwinan*: Bujang
Tarikh Perceraian / Kematian Pasangan (jika berkenaan):
No. Telefon Rumah: 097 -
No. Telefon Bimbit*: 017 -
Pekerjaan*: Bekerja Sendiri
Nama Bank*: BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
No. Akaun Bank (Akaun Persendirian)*:
Alamat e-Mel:
Alamat Surat-Menyurat Terkini*: KUBANG KERIAN
Poskod*: 16150
Bandar / Daerah*: KOTA BHARU
Negeri*: KELANTAN


BAHAGIAN B: MAKLUMAT SENDIRI / AHLI ISI RUMAH

| | Jenis Pengenalan | No. MyKad / MyPR / MyKid / Sijil Lahir / Pasport | Tarikh Tamat Sah Tempoh Pasport | Nama (seperti dokumen pengenalan) | Pendapatan Kasar Bulanan (RM) | Salinan Pengenalan (√) | Tambah / Hapus Tanggungan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| SENDIRI | No. MyKad | | | AHMAD | 800.00 | | |
| PASANGAN | No. MyKad | | | MASNI | 900.00 | | |
| TANGGUNGAN | Sila Pilih Jenis Pengenalan | | | | .00 | | |
| TANGGUNGAN | Sila Pilih Jenis Pengenalan | | | | .00 | | |
| TANGGUNGAN | Sila Pilih Jenis Pengenalan | | | | .00 | | |
| TANGGUNGAN | Sila Pilih Jenis Pengenalan | | | | .00 | | |
| TANGGUNGAN | Sila Pilih Jenis Pengenalan | | | | .00 | | |
| | | | | JUMLAH PENDAPATAN KESELURUHAN | 1,700.00 | | |

## BAHAGIAN B – MAKLUMAT SENDIRI / AHLI ISI RUMAH

1. Pada ruangan **SENDIRI**, sila isi amaun **Pendapatan Kasar Bulanan** (**RM**). Jika tiada Pendapatan  Kasar Bulanan (RM), sila isi “0”.
2. Jika status Perkahwinan adalah kahwin, maklumat pasangan **WAJIB** diisi.
3. Pilih Jenis Pengenalan dan masukkan **No Pengenalan** pasangan.
4. Nama pasangan akan terpapar secara automatik jika data wujud di JPN.
5. Isi amaun **Pendapatan Kasar Bulanan (RM)** pasangan**.** Jika tiada pendapatan, sila isi “0”.
6. Jika mempunyai Tanggungan, sila klik simbol terlebih dahulu sebelum maklumat tanggungan diisi.
7. Pilih Jenis Pengenalan dan masukkan **No Pengenalan** tanggungan.
8. Nama tanggungan akan terpapar secara automatik jika data wujud di JPN.
9. Isi amaun **Pendapatan Kasar Bulanan (RM)** tanggungan**.** Jika tiada pendapatan, sila isi “0”.
10. Klik pada simbol jika ingin menghapuskan maklumat tanggungan yang telah diisi.
11. Kotak mesej bagi pengesahan hapus maklumat tanggungan akan dipaparkan.
12. Klik ‘*OK*’ jika pasti untuk hapus maklumat tanggungan dan MAKLUMAT SENDIRI / ISI AHLI RUMAH akan dipaparkan semula.
13. Jika klik pada ‘*Cancel*’, maklumat tanggungan akan dipaparkan semula dan proses hapus maklumat tanggungan batal.
14. Jika maklumat pasangan / tanggungan tidak wujud di JPN / Agensi, kotak mesej berikut akan dipaparkan dan nama perlu diisi secara manual.






## 4. BAHAGIAN C – MAKLUMAT WARIS

1. Maklumat waris akan dipaparkan secara automatik sekiranya maklumat waris pernah diisi pada permohonan BR1M sebelum ini.
2. Jika maklumat waris tidak pernah diisi, klik **Pilihan Waris** sama ada **ADA** waris atau **TIADA** waris.




3. Jika **ADA** waris diklik, ruangan di Bahagian C – Maklumat Waris akan dibuka dan wajib diisi.




4. Maklumat waris akan dipaparkan secara automatik jika wujud maklumat pasangan / tanggungan di Bahagian B – Maklumat Sendiri / Ahli Isi Rumah.
5. Pemohon dibenarkan untuk mengemas kini maklumat waris jika ingin menggantikan dengan waris yang lain.
6. Jika tiada maklumat di ruangan ini, pemohon perlu mengisi secara manual. Nama waris akan dipaparkan secara automatik jika data wujud di JPN.
7. Sila pilih Hubungan (contoh : Pasangan, Ibu, Bapa , Anak atau Adik-Beradik).
8. Sila pilih Jenis Pengenalan dan lengkapkan maklumat waris.
9. Jika TIADA waris diklik, ruangan di Bahagian C tidak perlu diisi.




**5. AKUAN PENGESAHAN**

1. Sila masukkan kod seperti yang dipaparkan pada ruangan Kod Pengesahan di sebelah kiri.
2. Klik butang **KEMAS KINI**.




**6. PAPARAN AKUAN PENGESAHAN**

1. Paparan seperti di atas dipaparkan.
2. Sila tandakan ruangan "Saya bersetuju dengan terma dan syarat di atas" jika bersetuju dan klik butang **SETUJU & HANTAR.**
3. Paparan "Permohonan berjaya di kemas kini" akan dipaparkan.
4. Klik butang **TIDAK** untuk kembali pada laman utama.






## 7. CETAK PERMOHONAN

1. Klik butang **CETAK** untuk cetak permohonan
2. Klik butang **LAMAN UTAMA** untuk kembali pada laman utama.
3. Jika tidak mempunyai perisian **Adobe Reader** untuk mencetak permohonan, sila klik ikon .